

# **IECSB dapat pakej MRT**

**KUALA LUMPUR 12 Nov.**  
- Ireka Engineering & Construction Sdn. Bhd. (IECSB) bersetuju melalui surat setuju terima (LOA) daripada Persys Sdn. Bhd., menjadi sub-kontraktor bagi aktiviti pembinaan, penyiapan dan kerja-kerja berkaitan di bawah Pakej V7 projek transit pantas massa (MRT).

Pakej itu membabitkan pembinaan dan penyiapan laluan dari Bandar Tun Hussein Onn hingga Taman Mesra dengan nilai kontrak sebanyak RM65 juta.

Ireka Corporation Bhd. (ICB) dalam kenyataannya ke Bursa Malaysia menjelaskan, tempoh kontrak yang diterima oleh anak syarikatnya itu adalah selama 47 bulan.

Jelas syarikat induk itu lagi, penganugerahan kontrak itu dijangka memberi sumbangan positif kepada kewangannya yang berakhir 31 Mac depan.